

FPP BizNewz

January – May 2022

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

**Mengapa Pelaburan
Emas Menjadi Pilihan?**

Telur Mana Telur?

*you
are
what
matters*

**An Affair of Online
Learning and Covid-19**

**Pembasmian Kemiskinan Dalam RMK
Ke-12**

Bukit Harimau Menangis
Tarikan Pendakian di Kemaman



Publication Date
30 June 2022

Photo by Marek Levák on Unsplash

TARIKAN RIMBA BANDAR BUKIT BAUK

¹Zuraini Jusoh, ¹Siti Rapidah Omar Ali, ²Mazratul Firdaus Mohd Zin, ¹Kartini Mat Rashid

¹Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu

²Pengajian Kejuruteraan Elektrik, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu

Rimba Bandar Bukit Bauk terletak di daerah Dungun, Terengganu. Kedudukannya adalah antara laluan utama menghubungkan daerah Dungun dan kawasan perindustrian petroleum Kerteh. Laluan ini juga merupakan laluan utama ke Pantai Timur sebelum kewujudan Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT 2).



Keindahan kehijauan tumbuhan liar menjadi tarikan kepada pengunjung. Kebiasaannya pada hujung minggu terutamanya waktu pagi, Rimba Bandar Bukit Bauk menerima jumlah pengunjung yang lebih ramai berbanding dengan hari-hari biasa. Pengunjung bukan hanya masyarakat tempatan malah melibatkan pengunjung yang berada di luar dari daerah Dungun.

Antara kemudahan awam yang disediakan ialah kemudahan tandas dan taman permainan untuk kanak-kanak. Baru-baru ini usaha menaiktaraf kemudahan awam telah dijalankan oleh pihak Majlis Perbandaran Daerah Dungun untuk meningkatkan

keselesaan kepada pengunjung. Lot-lot gerai telah dibina untuk menyediakan peluang perniagaan kepada peniaga dan memberikan kemudahan kepada pengunjung untuk mendapatkan makanan atau minuman.

Pilihan Laluan Pendakian

Selain daripada aktiviti rekreasi, Rimba Bandar Bukit Bauk juga terkenal dengan aktiviti pendakian. Rimba Bandar Bukit Bauk mempunyai dua pilihan laluan pendakian iaitu laluan berturap dan laluan hutan. Laluan pendakian ini adalah sejauh 4.7 kilometer dan mempunyai ketinggian 230

Keindahan kehijauan tumbuhan liar menjadi tarikan kepada pengunjung. Kebiasaannya pada hujung minggu terutamanya waktu pagi, Rimba Bandar Bukit Bauk menerima jumlah pengunjung yang lebih ramai berbanding dengan hari-hari biasa. Pengunjung bukan hanya masyarakat tempatan malah melibatkan pengunjung yang berada di luar dari daerah Dungun.

Antara kemudahan awam yang disediakan ialah kemudahan tandas dan taman permainan untuk kanak-kanak. Baru-baru ini usaha menaiktaraf kemudahan awam telah dijalankan oleh pihak Majlis Perbandaran Daerah Dungun untuk meningkatkan keselesaan kepada pengunjung. Lot-lot gerai telah dibina untuk menyediakan peluang perniagaan kepada peniaga dan memberikan kemudahan kepada pengunjung untuk mendapatkan makanan atau minuman.

Pilihan Laluan Pendakian

Selain daripada aktiviti rekreasi, Rimba Bandar Bukit Bauk juga terkenal dengan aktiviti pendakian. Rimba Bandar Bukit Bauk mempunyai dua pilihan laluan pendakian iaitu laluan berturap dan laluan hutan. Laluan pendakian ini adalah sejauh 4.7 kilometer dan mempunyai ketinggian 230 meter. Tempoh pendakian bergantung kepada keupayaan pendaki. Kebiasaannya pendaki mengambil masa 1-2 jam untuk sampai ke puncak dan kurang dari satu jam untuk menuruni kembali ke kaki bukit. Bentuk muka bumi yang berbukit ini memberikan cabaran fizikal dan mental kepada pendaki. Laluan pendakian sering dijadikan tempat latihan bagi pendaki yang ingin membuat persediaan untuk aktiviti pendakian di gunung.

Laluan berturap membelah Hutan Simpan Bukit Bauk. Laluan ini boleh dilalui oleh kenderaan ringan. Kebiasaannya kenderaan TELEKOM Malaysia menggunakan laluan ini untuk sampai ke pencawang yang berada di atas Bukit Bauk untuk kerja-kerja rutin dan penyelenggaraan.


Di pertengahan laluan ini kira-kira 1.5 kilometer dari kaki bukit, terdapat kawasan lapang yang dijadikan hentian oleh pendaki. Di kawasan lapang ini tersedia pemandangan yang menarik dan sering dijadikan tempat untuk pendaki



Pilihan Laluan Pendakian Berturap



Pandangan Puncak Bukit Bauk dari Sisi Atas Bukit



Laluan Keluar



Laluan Keluar




Pemandangan Sekitar Daerah
Dungun dari Sisi Atas Bukit



Laluan Keluar



Laluan Keluar



Laluan Keluar

merakamkan gambar.

Manakala laluan hutan adalah melalui denai-denai di dalam hutan. Laluan hutan ini telah dipelopori oleh kumpulan orang-orang tempatan yang mempunyai minat yang mendalam di dalam aktiviti pendakian. Mereka telah membuat denai-denai yang boleh dilalui oleh pendaki sehingga ke puncak Bukit Bauk. Laluan hutan ini menyediakan enam laluan keluar untuk memberikan pilihan kepada pendaki jika mereka berniat untuk keluar sepanjang menyelusuri laluan hutan. Papan tanda keluar juga telah disediakan untuk memudahkan pendaki mencari laluan keluar. Kebiasaan rutin harian pendaki, mereka hanya menggunakan laluan sehingga laluan keluar empat kerana laluan ini pendek dan tidak mengambil masa yang terlalu lama. Tempoh yang diperlukan kurang dari dua jam. Buat masa ini, laluan keluar yang ketiga telah ditutup disebabkan laluan tersebut berada di dalam kawasan pembinaan terowong Laluan Rel Pantai Timur atau dikenali juga dengan East Coast Rail Link (ECRL).

Rimba Bandar Bukit Bauk merupakan salah satu tempat tarikan yang ada di Daerah Dungun. Rimba Bandar Bukit Bauk juga tersenarai di dalam Hutan-Hutan Lipur di Negeri Terengganu. Keindahan alam semulajadi yang ada berpotensi menjadikan Rimba Bandar Bukit Bauk sebagai tempat rekreasi dan pusat sukan ekstrem kepada penduduk tempatan dan penduduk luar.

Rujukan

1. Ahmad Yusri Jusoh (13 Julai 2010). Trek Jogging Rimba Bandar Bukit Bauk. Blogspot Pelancongan Terengganu. <https://terengganumenarik.blogspot.com/2010/07/teak-jogging-rimba-bandar-bukit-bauk.html>
2. Laman Web Rasmi Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu, 24 April 2021, trgforestry.terengganu.gov.my
3. Laman Web Rasmi Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, 24 April 2021, <https://www.forestry.gov.my>



BizNewz 2022
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com